

BAB DUA

TINJAUAN KAJIAN LAMPAU

Pengenalan

Di dalam Bab Dua ini akan mengemukakan pandangan dan pendapat berkaitan tinjauan lalu yang pernah dihasilkan oleh beberapa penyelidik berkaitan kemahiran pembacaan al-Quran di kalangan pelajar dan tinjauan berkaitan pengajaran terancang serta modul pembelajaran kendiri yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Sistem pengajian dan pembelajaran al-Quran.

Sistem pengajian al-Quran bermaksud cara belajar membaca al-quran. Sejak kedatangan Islam ke Tanah Melayu maka pengajian al-Quran atau lebih dikenali dengan belajar membaca al-Quran telah wujud di kalangan umat Islam di Tanah Melayu. Sehubungan itu banyak terdapat kajian berkaitan yang dijalankan dalam menjelaskan sistem pengajian al-Quran yang dijalankan ke atas pelajar atau orang yang belajar mengaji al-Quran. Abdul Basit Aula(1980), menyatakan cara pembacaan al-Quran pada peringkat awalnya adalah secara musyafahah iaitu satu kaedah pembelajaran oleh pelajar dengan mengikut bacaan guru secara lisan dan berdepan dengan guru tersebut. Keadaan ini berkekalan sehingga lahirnya sistem persekolahan yang mula menerima perubahan dengan menekankan penulisan, latihan dan sebagainya. Sehubungan itu sistem pengajian al-Quran dapat dibahagikan kepada dua bahagian iaitu pengajaran secara sistem tradisional dan pengajaran secara persekolahan (Mohd Yusuf, 1994).

Sistem tradisional

Sistem tradisional merupakan cara penyampaian bacaan al-Quran secara lisan, guru mentasmik (mendengar), mentahqik dan bertalaqqi dan mengajar secara individu. Menurut Abdullah Qari(1962) cara lama ini ialah cara yang telah menjadi kebiasaan ulamak sejak kedatangan Islam dan berlanjutan sehingga sekarang. Surau, masjid dan rumah tok guru menjadi tempat mengenal huruf al-Quran dan membacanya. Seperti mana menurut Ismail (1980), sistem ini dapat dibahagikan kepada lima peringkat mengaji iaitu;

- i. Membaca al-Fatihah hingga juzuk Amma
- ii. Mengeja juzuk Amma sepenuhnya sehingga Surah Dhuha dengan tujuan pelajar dapat mengenal huruf.
- iii. Bacaan bagi surah-surah besar atau mempunyai ayat yang agak panjang bagi satu-satu surah yang meliputi (Aliff Lam Mim)
- iv. Bacaan dengan halus dengan tajwid dan makhraj huruf
- v. Membaca al-Quran secara berlagu bagi mereka yang berminat dan mempunyai suara yang lunak.

Sistem persekolahan

Sistem persekolahan bermaksud era pembelajaran al-Quran secara sistematis apabila pengajian al-Quran dijalankan di sekolah-sekolah sebagai satu mata pelajaran. Pengajian al-Quran menurut sistem ini dilaksanakan samada di Sekolah Khas al-Quran, Sekolah Arab, Sekolah Agama dan Sekolah Kebangsaan. Dari sistem persekolahan tersebut peringkat pengajian diberikan kepada dua peringkat iaitu:

i. Sistem pengajian diperingkat sekolah rendah

Pengajian al-Quran di peringkat sekolah Rendah dijalankan dalam bentuk formal dan termasuk dalam sukanan pelajaran yang wajib diajar dalam masa 30 minit. Para pelajar dibahagikan kepada dua tahap iaitu:

- a. Tahap I bagi pelajar tahun 1, 2 dan 3, mereka terdiri dari pelajar peringkat asas untuk mengenal, mengeja dan membunyikan huruf-huruf al-Quran.
- b. Tahap II terdiri dari pelajar tahun 4, 5 dan 6 yang menekankan kepada bacaan dan hafazan meliputi ayat-ayat lazim dan surah-surah pendek.

ii. Sistem pengajian di peringkat sekolah menengah

Pengajian al-Quran di peringkat sekolah menengah merupakan rentetan daripada sekolah rendah. Bagi peringkat ini diperuntukkan masa selama 40 minit dan ia dianggap sebagai mata pelajaran yang penting dinisbahkan dengan 160 minit seminggu. Dari kadar jumlah pengajaran al-Quran di atas menunjukkan pelajar mula mendapat didikan al-Quran secara formal sejak dari pelajar mula memasuki Tahun satu hingga ke Tingkatan lima namun demikian secara tidak formalnya mereka telah mendapat didikan sebelum memasuki alam persekolahan lagi. Walau bagaimana pun masih terdapat juga sejumlah pelajar yang masih kurang mahir membaca al-Quran, kelancaran mereka tersekat-sekat

Sejarah pengajian al-Quran dalam program KBSM

Mulai tahun 1962, pengajian al-Quran telah dimasukkan ke dalam jadual waktu sistem persekolahan dan diajar selama dua jam seminggu. Di dalam KBSM tilawah al-Quran ini merupakan satu mata pelajaran teras dan

wajib diambil oleh pelajar Islam di dalam peperiksaan awam. Ia bertujuan untuk membolarkan pelajar-pelajar yang lemah dapat menguasainya dalam jangka masa lima tahun manakala pelajar cerdik akan menguasainya dalam jangka masa tiga tahun. Pembelajaran al-Quran di sekolah banyak menekankan tajwid, kefahaman ayat dan pengajaran dari ayat. Menurut Ab. Halim(1995), berdasarkan kajian beliau masih ramai pelajar yang gagal menguasai aspek bacaan dan kefahaman ayat al-Quran tersebut. Mata pelajaran Pendidikan Islam KBSM merupakan kesinambungan dari Pendidikan Islam Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) yang bermula dari tahun satu hingga tahun enam. Keseluruhannya mata pelajaran ini mengandungi dua bahagian pengajaran iaitu 1) bahagian Tilawah al-Quran yang meliputi kefahaman ayat al-quran, hafazan dan tajwid dan 2) bahagian Ulum Syariah yang mengandungi topik berkaitan aqidah, ibadah, tamadun dan akhlak. Ini bermaksud para pelajar, sekurang-kurangnya telah mempelajari Pendidikan Islam dan al-Quran secara formal di sekolah lebih kurang 10 tahun dan merupakan satu jangka masa yang lama. Namun yang menjadi masalahnya sehingga sekarang masih ramai pelajar yang menghadapi masalah dalam mencapai kejayaan yang cemerlang di dalam subjek tersebut. Walaupun mereka pada asasnya telah mendapat pendidikan awal sejak di sekolah rendah samada di sekolah kebangsaan atau di kelas KAFA (Kelas Al-Quran dan Fardu Ain) yang bukan sahaja menyediakan pengajaran al-Quran bahkan ilmu-ilmu lain termasuk fiqh, tauhid dan sirah

Tahap bacaan al-Quran di kalangan pelajar

Banyak kajian telah dijalankan berkaitan dengan kebolehan pelajar di dalam membaca al-Quran, kaji selidik Kemahiran Tilawah Dalam Perkara Asas Fardu Ain Tahun 6 KBSR (Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan 1994) seramai 2,303 telah diuji secara rawak untuk dijadikan sampel dari 97 buah sekolah bandar dan luar bandar seluruh negara. Di dapati 34% tidak boleh membaca potongan ayat selepas mengeja, manakala 10.4% pelajar yang gagal membentuk abjad yang berbaris. Keadaan ini menunjukkan bahawa masalah tidak boleh membaca al-Quran di kalangan pelajar adalah serius

Tahap bacaan al-Quran di kalangan pelajar Tingkatan Empat SMTKK.

Walaupun mereka pada asasnya telah mendapat pendidikan awal sejak di sekolah rendah, samaada di sekolah kebangsaan atau di kelas KAFA (Kelas Al-Quran dan Fardu Ain) namun tahap penguasaan mereka terhadap hukum tajwid masih jauh ketinggalan. Bahkan para pelajar ini juga telah menduduki Peperiksaan Menengah Rendah (PMR) sebelum memasuki tingkatan empat dan masih belajar berkaitan tajwid sama seperti mana sebelumnya.

Jika berdasarkan kepada pencapaian mereka di dalam peperiksaan pertengahan tahun dari rajah di bawah (*Analisis peperiksaan pertengahan tahun tingkatan empat SMTKK*) sebanyak 14.9% (37) pelajar dari 249 pelajar gagal di dalam mata pelajaran Pendidikan Islam.

Bil	Ting	Bil pelajar	A1	A2	C3	C4	C5	C6	P7	P8	F9
1	4Tek	136	03	12	18	18	44	17	05	12	07
2	4Vok	113	00	00	06	06	23	18	14	16	30
	Jum.	249	03	12	24	24	67	35	19	28	37
	%		1.2	4.8	9.6	9.6	27.0	14.0	7.6	11.2	14.9

Jadual 1 - (Keputusan peperiksaan pertengahan tahun Tingkatan 4)

Hasil dari keputusan peperiksaan pertengahan tahun tersebut, panitia Pendidikan Islam telah membuat ‘post-mortem’ dan mendapati masih ramai pelajar yang gagal mendapat markah yang tinggi di Bahagian A yang berkaitan tilawah. Perkara ini terjadi disebabkan kelemahan pelajar membaca, memahami dan menguasai kemahiran al-Quran dengan baik .

Untuk mendapatkan penjelasan lebih lanjut berkaitan dengan kebolehan dan kemampuan pelajar dalam membaca al-Quran peyelidik telah mengatogerikan mereka kepada tiga bahagian :

Boleh membaca dengan baik(A)	Memuaskan (B)	Sederhana (C)	Lemah (D)
69	123	50	7
27.71%	49.39%	20.08%	2.81%

Jadual 2 - Pencapaian bacaan al-Quran.

Berdasarkan pencapaian membaca al-Quran di kalangan mereka dirasakan agak aneh bagaimana pelajar-pelajar yang menduduki tingkatan empat di sekolah ini, yang telah mempelajari al-Quran sebegini lama, sekurang-kurangnya dari darjah satu sehingga tingkatan tiga, tetapi masih gagal memahami kaedah pembacaan al-Quran dengan jelas termasuk hukum tajwid. Kegagalan menguasai Tilawah al-Quran menyebabkan para pelajar sukar untuk membaca al-Quran dengan baik dan betul.

Ini menyebabkan mereka banyak kehilangan markah dan sukar mendapat peratusan yang tinggi dalam Pendidikan Islam.

Tahap penguasaan tajwid di kalangan pelajar Tingkatan Empat

Pengertian tajwid menurut Imam Sayuti yang dipetik dari Jamaluddin (1978), ialah pengucapan huruf-huruf al-Quran menurut ucapan asli satu persatu dan menuturkan dengan sempurna. Membaca al-Quran bertajwid dan betul amat dituntut sepertimana firman Allah s.w.t dari Surah al-Muzammil ayat 4,

وَكُلُّ الْفُرْقَانِ تَرْسِلًا

Ini menunjukkan bahawa tajwid wajib bagi sesiapa yang membaca sesuatu ayat al-Quran dan berdosa jika meninggalkannya. Abdullah Badi' (1986), menjelaskan tajwid salah satu cabang ilmu yang dapat menghasilkan cara penuturan al-Quran yang betul terhadap huruf-hurufnya, tempat waqaf (berhenti) dan tempat ibtida' (mula bacaan). Manakala menurut Zakaria Ansari dipetik dari Jamaludin (1978), tajwid bermaksud satu ilmu membahaskan mengenai cara-cara membaca ayat-ayat al-Quran dari segi sebutan huruf (yang diucapkan pada makhrajnya yang betul), kadar panjang pendek bacaannya (mad), dengung, qalqalah, isymam dan sebagainya. Sebagai kesimpulannya tajwid adalah ilmu yang membincangkan mengenai peraturan serta cara-cara untuk membaca al-Quran bagi menghasilkan bacaan yang tepat dan hukumnya adalah wajib bagi setiap individu muslim. Hasil dari keputusan ujian diagnostik yang dijalankan ke atas para pelajar, didapati 75% pelajar

gagal menjawab dengan tepat. Soalan-soalan yang diberikan hanya berkaitan dengan hukum tajwid asas iaitu Nun Sakinah dan Tanwin dan Mim Sakinah.

Untuk mengatasi masalah ini para guru yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam dirasakan perlu diadakan satu cara untuk menarik minat pelajar terhadap mata pelajaran tersebut terutama bahagian seringkali dianggap sukar oleh pelajar. Berdasarkan pengalaman penyelidik, kumpulan pelajar yang lemah di dalam tajwid ini akan ketinggalan dan seterusnya mencaapai keputusan yang rendah di bidang ini. Sehubungan itu para pelajar ini perlu diberikan perhatian untuk memperbaiki pengetahuan, kesahaman dan pencapaian mereka. Menurut Atan Long (1982), ramai penyelidik percaya bahawa tidak seorang pun yang tidak dapat menerima pelajaran, walaupun mereka di dalam katogeri yang lemah. Apabila diteliti punca kelemahan pelajar dirasakan aktiviti khas perlu dirancang dan dijalankan untuk membantu pelajar berpencapaian rendah mengtasi kesulitan mereka dan meningkatkan pencapaian mereka ke tingkat yang diperlukan.

Faktor-faktor mempengaruhi pelajar lemah di dalam membaca al-Quran dan tajwid

Berjaya atau gagalnya pelajar di dalam pelajaran bergantung kepada beberapa unsur yang mempengaruhi mereka. Kajian hukum tajwid ini adalah sebahagian dari kajian berkaitan membaca al-Quran dan ia berlandaskan kepada teori-teori faktor yang mempengaruhi kebolchan membaca. Menurut Lee Shok Mee dan Mok Soon Sang(1993), umumnya pelajar yang menghadapi masalah pembelajaran terdiri daripada mereka yang mempunyai IQ yang rendah dan ia berhubung rapat dengan beberapa faktor antaranya:

1. Faktor pembelajaran, yang terdiri dari perkara-perkara berikut:

- i. Kurikulum pengajaran yang disediakan, salah satunya kelemahan pelajar menguasai tulisan jawi. Kelemahan dalam penguasaan jawi berkait rapat dengan kelemahan dalam Pendidikan Islam dalam membaca al-Quran.
- ii. Strategi dan kaedah pengajaran yang digunakan kurang sesuai diterima oleh pelajar.
- iii. Bahan yang digunakan kurang menarik minat pelajar

2. Faktor peribadi.

Biasanya para pelajar yang menghadapi masalah dalam pelajaran akan berkawan dengan rakan yang menghadapi masalah yang sama iaitu mereka yang tidak mempunyai motivasi yang tinggi dalam pembelajaran.

3. Faktor kurang kecerdasan.

Ia berkait rapat dengan masalah mental yang dihadapi pelajar yang mengakibatkan pelajar lambat berfikir, cepat lupa, sukar memahami sesaua, lemah pengamatan dan sebagainya. Antara tanda yang diperlihatkan oleh pelajar yang bermasalah ini tidak boleh mengikuti aktiviti pengajaran guru dalam kelas. Lemah di dalam menguasai dan memahami konsep serta malas, tidak berminat serta tidak mempunyai semangat untuk belajar.

4. Faktor psikologi

Faktor psikologi berkait rapat dengan masalah emosi. Kebiasaannya pelajar yang menghadapi masalah ini tidak mempunyai keyakinan diri, diam, pemalu, rendah diri dan takut untuk melakukan sesuatu. Ini akhirnya menjadikan mereka bermasalah dalam pembelajaran

Sekhubungan itu tugas guru ialah mengesan dan berusaha membantu pelajar-pelajar tersebut mengatasi masalah pembelajaran yang dihadapi mereka. Ini bererti pelajar yang bermasalah ini memerlukan pendidikan pemulihan untuk berjaya

Pendidikan pemulihan

Pada umumnya di dalam sesebuah kelas pelajarnya mempunyai perbezaan dari segi kecerdasan, kebolehan, fizikal, minat, bakat dan sebagainya. Berdasarkan inilah ada pelajar yang dapat belajar dan memahami sesuatu konsep atau menguasai sesuatu kemahiran dengan cepat dan mudah. Walau bagaimanapun terdapat juga pelajar yang lemah dan sukar untuk memahami sesuatu topik atau pelajaran yang diberikan. Perkara-perkara di atas sama seperti mana unsur-unsur yang digariskan oleh Koh(1981), yang memetik dari Carroll(1963), yang menyatakan terdapat lima unsur penting yang mencentukkan berjaya atau gagalnya pelajar di dalam pelajarannya iaitu:

- i. kecerdasan pelajar tersebut
- ii. bakat yang ada pada mereka dalam sesuatu perkara
- iii. ketabahannya di dalam menghadapi sesuatu pembelajaran
- iv. peluangnya untuk belajar
- v. cara atau kaedah pengajaran gurunya.

Kesukaran menguasai hukum tajwid ini menjadikan pelajar semakin kurang berminat dengan pembacaan al-Quran menyebabkan mereka tidak menjawab soalan yang berkaitan dengan hukum tajwid tersebut atau sekadar memenuhi tempat kosong dengan jawapan yang salah. Ini dapat disclaraskan dengan pendapat Koh(1981) di dalam kajian beliau berkaitan pelajaran bahasa

menyatakan kelemahan dalam bahasa menyebabkan pelajar semakin kurang minat terhadap pelajaran bahasa. Oleh itu pengesanan awal terhadap masalah ini perlu untuk membolehkan proses pemulihan dijalankan.

Menurut Ee Ah Meng (1991, p.43) apa yang dimaksudkan dengan pendidikan pemulihan ialah:

....merupakan aktiviti pengajaran pembelajaran yang disediakan untuk menolong murid- murid yang menghadapi masalah pembelajaran dalam menguasai sesuatu kemahiran dengan pendekatan, bahan-bahan serta aktiviti yang alternatif. Murid-murid yang dimaksudkan biasanya digelar murid lambat kerana gagal menguasai sesuatu kemahiran dalam masa tertentu.

Manakala definisi yang dibuat oleh Sharifah Alawiah Al-Sagoff, pendidikan pemulihan adalah seperti berikut:

....Satu tindakan khusus yang diambil untuk mengatasi keperluan pendidikan murid yang mengalami kesusahan dari segi pembelajaran dalam darjah khas di sekolah biasa, di pusat khusus yang dihadiri oleh murid secara sambilan, dalam kumpulan yang diasingkan daripada sekolah biasa, dan dalam darjah untuk pengajaran khusus oleh guru pemulihan. Pengajaran pemulihan perlu dijalankan sebagai usaha untuk mengatasi masalah pelajar yang berpencapaian rendah. (Dipetik dalam Mat Nor Husin dan Jais Sahok, 1990, p. 7)

Koh Boh Boon (1981, p. 34) pula mendefinisikan pengajaran pemulihan seperti berikut:

.....Merupakan satu proses berperingkat yang menjalankan aktiviti :
 i). Pengesanan dan penentuan jenis-jenis kelemahan pembelajaran ,
 ii). Pengajian punca-punca kelemahan, iii). Pemutusan kegiatan pemulihan yang sesuai, iv). Perancangan dan pelaksanaan kegiatan pemulihan dan v). Penilaian kesan pemulihan.

Manakala menurut Mat Nor Husin dan Jais Sahok (1990, p. 6),

....pendidikan pemulihan adalah satu bentuk pendidikan untuk membetulkan sesuatu yang kurang atau membetulkan sesuatu yang tidak betul atau sesuatu yang cacat.

Keadaan ini akan memberi satu peranan baru kepada para guru seperti mengadakan kelas pemulihan atau kelas tambahan. Tetapi seringkali didapati kelas begini dijalankan oleh guru yang sama mengajar pada waktu

persekolahan dengan teknik dan kaedah yang serupa, ia mungkin menyebabkan pelajar merasa bosan , tidak bermotivasi dan tidak memberi tumpuan yang sepenuhnya terhadap pelajaran.

Berdasarkan dari definisi, penyelidik menyimpulkan bahawa pengajaran pemulihan melibatkan usaha-usaha memudahkan, memperbanyak dan mempercepatkan pelajar memahami dan menguasai pelajaran yang tertinggal dalam proses pengajaran dan pembelajaran biasa. Memandangkan beban tugas guru yang sedia ada sememangnya telah banyak, penggunaan Modul Pembelajaran (MP) ini berguna untuk membantu proses pengajaran dan pembelajaran tersebut.

Kesimpulan yang dapat dibuat, program pemulihan adalah satu rancangan pembelajaran yang disediakan untuk membantu murid-murid yang menghadapi masalah atau kesukaran pembelajaran dalam menguasai sesuatu kemahiran

Di dalam kajian yang dijalankan oleh Blair (yang dipetik dari Mohamad bin Draman (1996), membuktikan keberkesanannya pendidikan pemulihan apabila ramai pelajar yang lemah di dalam kemahiran aritmetik telah berjaya meningkatkan pencapaian mereka apabila program pemulihan yang sesuai dijalankan.

Menurut Koh (1981), pelbagai aktiviti boleh dijalankan di dalam melaksanakan pendidikan pemulihan. Beliau mengaitkan aktiviti ini dengan memberi bantuan khas terhadap pelajar yang lembam yang menyatakan empat kemungkinan iaitu;

1. Guru mata pelajaran atau guru kelas mengadakan kelas tambahan pada hari Sabtu atau hari-hari cuti sekolah.

2. Mengadakan guru khas yang ditugaskan khusus untuk menguruskan pendidikan pemulihan.
3. Ibu bapa perlu memberi kerjasama di dalam menjalankan pendidikan pemulihan atau memberi pendidikan ini melalui guru tusyen.
4. Menggunakan bahan-bahan pengajaran terancang di dalam mengadakan pengajaran pemulihan.

Berdasarkan kepada kemungkinan di atas dirasakan ianya bersesuaian sekali untuk membantu pelajar yang lemah. Sebagaimana yang dijalankan sebelum ini di SMTKK, semua pelajar menghadiri kelas Fardu Ain dan al-Quran pada setiap hari Sabtu. Pelajaran yang diajar adalah berkaitan dengan perkara asas tajwid dan kaedah membaca al-Quran. Kelas ini menggunakan perkhidmatan guru luar untuk mengajar. Mereka diberikan nota dan diajar cara menyebut bacaan secara bertajwid mengikut bacaan guru. Namun apa yang agak menyediakan ia melibatkan peruntukan kewangan yang agak banyak dan tidak dapat dijalankan berlanjutan. Ada juga dijalankan kelas pemulihan sebagai alternatifnya dengan menggunakan tenaga pengajar dari kalangan guru sekolah. Tetapi ini juga menghadapi masalah dan dirasakan dirasakan agak sukar kerana biasanya guru-guru akan menghadiri mesyuarat atau kursus tertentu pada hari tersebut. Sehubungan itu pelajaran tajwid banyak yang tertinggal waktu pembelajarannya. Keadaan ini merugikan pelajar dan menyebabkan pelajar lama-kelamaan akan merasa bosan. Berkaitan dengan tusyen dapat membantu pelajar meningkatkan prestasi pengajian al-Quran, tetapi mungkin ibu bapa keberatan kerana membebankan mereka dan setakat ini tidak ada seorang yang menggunakan perkhidmatan guru tusyen untuk meningkatkan prestasi pengajian al-Quran mereka. Walau bagaimanapun

pihak Persatuan Ibu bapa dan Guru sekolah ini juga telah menjalankan kelas pemulihan al-Quran bagi pelajar yang terpilih kerana lemah sahaja pada setiap hari Selasa dari jam 4.00 petang hingga 5.30 petang tetapi ia juga tidak dapat dijalankan berterusan kerana kekangan masa dan tenaga guru. Berkenaan penggunaan bahan pengajaran terancang, penyelidik merasakan ia sesuatu yang berkesan dan sesuai jika diwujudkan bagi mengatasi masalah pemulihan.

Pengajaran terancang

George(1980), mengatakan pengajaran terancang merupakan aliran maklumat dengan cara yang disesuaikan oleh guru kepada pelajar yang bertujuan memberi maklum balas maklumat melalui soalan dan jawapan. Menurut Koh(1984), penggunaan bahan terancang dalam bentuk modul yang dibina merupakan satu perkembangan terbaru yang dapat membantu pelajar dalam pembelajaran pemulihan bagi pelajar lembab dan pengajaran imbuhan. Ini disebabkan dalam pengajaran terancang bahan pengajaran akan dipecahkan kepada bahagian-bahagian yang lebih kecil dan diberikan kepada pelajar untuk mengikutinya. Tujuan ia dipecahkan kepada bahagian tersebut untuk memudahkan pemahaman dan pencapaian prestasi pelajar. Lange(1989), menyatakan pengajaran terancang semakin digunakan sebagaimana contohnya dalam satu pemulihan bagi pelajar lembab berkaitan dengan penguasaan kemahiran asas (bahasa dan kira-kira).

Pembelajaran individu

Perbezaan antara satu sama lain di kalangan individu dalam pembelajaran tidak dapat dinafikan. Pengajaran yang dilakukan di dalam kelas yang mengandungi seramai antara 35 hingga 40 orang pelajar menimbulkan kesulitan bagi pelajar menerima penugasan guru secara berkesan. Bagi pelajar yang lambat menerima dan memahami sesuatu topik, mereka akan berdiam diri dan tidak bertanya, ini mungkin disebabkan perasaan malu dan tiada keyakinan diri. Manakala pelajar yang cepat memahami pula akan berasa bosan jika guru menerangkan perkara yang sama berulang kali.

Jika dikaitkan pembelajaran tajwid, oleh kerana jenis dan punca masalah yang berbeza di kalangan pelajar, sebagai alternatifnya pengajaran individu bersesuaian dalam pendidikan pemulihan. Sebagaimana menurut Koh(1981),

“..... pengajaran individu menolak andaian pengajaran keseluruhan kelas bahawa murid- murid dalam satu kelas mempunyai bakat yang sama oleh itu mencapai kadar kemajuan yang sama. Sebaliknya pengajaran secara individu menganggap kanak-kanak sebagai individu yang mempunyai berlainan kecerdasan, bakat, minat dan pegaulan dan oleh itu belajar dengan kadar yang berlainan. Menurut Knapper(1980), pengajaran secara individu bolch disampaikan dalam berbagai kaedah antaranya pengajaran terancang, makmal bahasa, sistem pengajaran individu, pita slaid, pengajaran berbantuan komputer dan belajar berasaskan kumpulan dan demostrasi. Pengajaran begini dapat mendorong dan menarik minat pelajar terhadap pembelajaran dan penguasaan.

Modul Pembelajaran Kendiri (MPK)

Belajar membaca al-Quran bertajwid dan memahaminya adalah pembelajaran yang menggunakan strategi pembelajaran penguasaan. Pelajar-pelajar dikehendaki menguasai dan mahir di dalam sesuatu hukum dan kaedah untuk mencapai tahap pembacaan yang betul. Sehubungan itu untuk menguasai sesuatu bidang, terlebih dahulu mengenal daan memahami secara literasinya sesuatu perkara tersebut. Bagi pelajar-pelajar yang kurang mahir, mereka tidak dapat menguasainya seperti mana pelajar lain. Mereka dianggap sebagai pelajar lemah yang memerlukan bimbingan seterusnya pemulihan untuk meningkatkan penguasaan mereka dalam hukum tersebut. Secara umumnya program pemulihan dapat menyediakan pembelajaran dalam berbagai bentuk seperti rakaman (audio, video dan filem), tulisan (buku bercetak) dan perisian komputer. Penggunaan bahan-bahan ini boleh membantu pelajar dalam proses pemulihan dengan pengajaran secara individu untuk menjamin keberkesanannya.

Seiringan itu Shahrom (1996) berpendapat, salah satu cara untuk melaksanakan strategi pembelajaran penguasaan ini ialah dengan menggunakan modul pembelajaran kendiri (MPK) yang merupakan salah satu daripada cara pembelajaran yang dicadangkan dalam program pemulihan tajwid di kalangan pelajar SMTKK ini. MPK ini dihasilkan dalam bentuk media cetak , rasionalnya bahan ini dihasilkan kerana pembelajaran secara berkomputer agak sukar dijalankan di sekolah ini disebabkan tidak mempunyai kemudahan komputer multimedia yang dapat dimanfaatkan bahan-bahan tersebut dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Modul bercetak ini dianggap sesuai kerana ia juga mempunyai ciri-ciri yang unik

yang membolehkan pelajar menggunakan mengikut kadar kebolehan dan kemahiran masing-masing ia akan memberi pelajar sedikit demi sedikit ruang kebebasan untuk meneruskan proses pembelajaran mereka mengikut cara masing-masing dalam aktiviti pembelajaran. mempunyai ciri-ciri yang unik dan terancang sebagai pendidikan pemulihan. Modul pengajaran Kendiri, menurut Yusuf (1997) direka berasaskan pengalaman pengajaran yang terancang dan tersusun dan dikumpul untuk mencapai objektif-objektif yang telah ditetapkan dalam jangka masa beberapa jam atau semester. Modul pengajaran ini direka bentuk berasaskan unit-unit kecil pelajaran yang terdapat dalam sukanan pelajaran.

Sehubungan itu untuk pembelajaran hukum tajwid ini ia boleh dipisahkan mengikut bahagian-bahagian yang dirasakan lemah bagi pelajar memahaminya. Modul Pembelajaran merupakan salah satu pengajaran dan pembelajaran terancang seperti yang dinyatakan oleh Corey dalam Koh (1981), terdapat dua ciri yang utama dalam pengajaran terancang tetapi tidak terdapat di dalam pengajaran konvensional, pertama ia mengandungi pemerihal dan penganalisisan yang teliti terhadap hasil pembelajaran yang dikehendaki dan penyusunan rapi secara berturutan terhadap isi kandungan dan yang kedua perancangan, pengembangan dan pengawalan yang rapi ke atas perangsang dan persekitaran pengajaran untuk mengetahui respon pelajar secara langsung terhadap jawapan yang diberikan. Berdasarkan kepada ciri-ciri tersebut pelajar dapat belajar mengikut tahap dan kebolehan mereka.

Ciri-ciri MPK

MPK merupakan satu bentuk pengajaran terancang dan bersistem. Rahim (1990), Gagne dan Briggs(1974) beranggapan MPK lebih berkesan berbanding dengan pengajaran berkumpulan kerana ia dapat memenuhi kehendak pelajar dan menepati konsep perbezaan individu dan lebih bersifat pendekatan ‘kemanusiaan’ dan tingkah laku. Aktiviti dan prosedur pengajaran disusun dengan teratur dan terpulanglah kepada pelajar mencapai tingkat-tingkat pembelajaran mengikut kadar dan kebolehan masing-masing. Ini disebabkan ia mengandungi aspek-aspek berikut:

1. Maklumat untuk pelajar mendapat pengetahuan dan kemahiran sendiri dan membolehkan pelajar menentukan matlamat yang lebih nyata.
2. Terdapat aspek interaksi antara pelajar dan modul disebabkan penyediaan pelbagai sumber untuk setiap matlamat yang sesuai dengan tahap dan pencapaian pelajar.
3. Tiada interaksi dengan guru dan pelajar lain di mana pelajar mempunyai masa untuk berfikir secara sendirian apabila menghadapi masalah.
4. Belajar mengikut kemampuan sendiri
5. Domain kognitif,afektif dan psikomotor juga disepadukan.
6. Terdapat ujian rujukan kriteria dan penilaian formatif yang dapat memberi maklum balas kepada pelajar.

Selaras dengan ini Yusuf (1997), mengatakan pembelajaran secara individu ini lebih cekap dan berkesan berbanding dengan pembelajaran berkumpulan berdasarkan kepada ciri-ciri modul pembelajaran kendiri yang digariskan beliau iaitu:

1. *Rasional* yang mencerangkan tinjauan tentang kandungan modul serta sebab-sebab modul itu digunakan.
2. *Objektif*, ia meliputi senarai kemahiran, pengetahuan dan/ sikap yang harus dikuasai oleh pelajar selepas membaca modul ini. Objektif ini ditulis dalam bentuk prestasi.
3. *Ujian masuk* iaitu ujian untuk mengetahui tahap pengetahuan atau kemahiran pelajar sebelum mengikuti modul ini atau untuk mengesan banyak mana pengetahuan atau kemahiran yang telah dikuasai pelajar.
4. *Bahan pelbagai media* dimana berbagai-bagai format digunakan bersama modul ini. Ia bertujuan untuk menggalakkan penglibatan pelajar serta melibatkan sebanyak mungkin deria yang membantu proses pembelajaran.
5. *Aktiviti pembelajaran*, ia merupakan gabungan beberapa kaedah pengajaran yang sesuai dalam modul yang dapat membangkitkan minat dan memenuhi keperluan pelajar.
6. *Ujian kendiri*. Ujian ini disediakan untuk menguji kemajuan serta pencapaian pelajar.
7. *Ujian selepas*. Ujian bertujuan untuk mengukur samada objektif modul tercapai atau tidak.

Reka Bentuk Sistem Pengajaran

Usaha untuk menghasilkan modul pengajaran kendiri merupakan satu tugas yang berat dan memakan masa. Sehubungan itu di dalam menyediakan modul ini sebaik-baiknya bahan mestilah padat dan dirancang segaya aktivitiinya sebelum menulis. Menurut Gagne dan Brigg (1974),

menyenaraikan dua belas langkah di dalam membentuk sistem pengajaran.

Langkah-langkah tersebut ialah:


1. Setiap keperluan perlu dianalisis dan dikenal pasti terlebih dahulu.
2. Mendefinisikan matlamat dan objektif yang ingin dicapai
3. Mengenal pasti cara-cara lain untuk mencapai keperluan.
4. Mereka bentuk komponen-komponen sistem
5. Perlu juga menganalisis sumber-sumber yang ada, sumber-sumber yang diperlukan dan masalah-masalah timbul.
6. Perlu menentukan tindakan yang akan diambil bagi mengatasi masalah atau kckangan yang dihadapi
7. Memilih atau membangunkan bahan-bahan pengajaran.
8. Mereka bentuk proses-proses penilaian pelajar .
9. Ujian luar; iaitu penilaian formatif dan latihan guru
10. Pelarasan, ulangkaji dan penilaian lanjut.
11. Seterusnya mengadakan ujian sumatif
12. Pemasangan operasi.

Antara pendekatan dan model yang dihasilkan dalam membentuk sesuatu pengajaran ialah Model Dick dan'Carey (1998).

Model reka bentuk pengajaran Dick dan Carey merupakan satu model yang mencerangkan semua fasa-fasa dalam proses yang berulang, yang dimulai dengan mengenal pasti matlamat pengajaran dan fasa terakhir adalah penilaian sumatif. Model ini mengandungi sembilan fasa iaitu:

- i. matlamat pengajaran
- ii. analisis pengajaran
- iii. ciri-ciri pelajar dan kelakuan masuk

- iv. objektif kelakuan
- v. ujian rujukan kriteria
- vi. strategi pengajaran
- vii. bahan-bahan pengajaran
- viii. penilaian formatif dan
- ix. penilaian sumatif.



Rajah 1 Model Dick and Carey

Tujuan model reka bentuk pengajaran ini digunakan supaya dapat menghasilkan satu modul pengajaran yang baik dan berkesan.

Kesimpulan

Kemahiran membaca al-Quran secara bertajwid masih menjadi masalah dalam masyarakat pelajar sehingga hari ini. Berdasarkan penyelidikan yang lalu masih ramai pelajar yang tidak dapat memahami dan menguasai hukum tajwid. Sehubungan itu perlu diambil tindakan yang terancang supaya

masalah ini dapat di atasi seperti menggunakan bahan pengajaran kendiri terancang yang berdasarkan model reka bentuk yang bersesuaian.